

# **MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA KEJOHANAN INTERNATIONAL AIR FORCE CRICKET CHALLENGE (IAFCC) 18**

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4021-majlis-makan-malam-sempena-kejohanan-international-air-force-cricket-challenge-iafcc-18](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4021-majlis-makan-malam-sempena-kejohanan-international-air-force-cricket-challenge-iafcc-18)

KUALA LUMPUR, 17 Okt 18 – Majlis Makan Malam sempena Kejohanan International Air Force Cricket Challenge (IAFCC) 18 telah diadakan di Restoran Rebung Chef Ismail, Kuala Lumpur. Johan bagi kejohanan ini telah disandang oleh Pasukan Kriket Royal Air Force (RAF) yang telah menewaskan Pasukan Kriket TUDM di perlawanan akhir kejohanan tersebut. Bagi tempat Ke-3 kejohanan pula telah disandang oleh Pasukan Kriket Royal New Zealand Air Force (RNZAF) manakala tempat ke-4 adalah Pasukan Kriket Royal Australian Air Force (RAAF). Majlis yang diadakan ini merupakan tanda penghargaan dan terima kasih kepada semua di atas kerjasama dan komitmen yang diberikan. Di harap kejohanan seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang dalam membentuk hubungan kerjasama yang baik diantara Negara Anggota FPDA.

Turut hadir di majlis tersebut adalah Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM serta para tetamu jemputan.













